

02/08/2001

Semua pindaan Perlembagaan Persekutuan diluluskan

SEMUA pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan diluluskan Dewan Rakyat, semalam.

Pindaan yang memerlukan sokongan sekurang-kurangnya dua pertiga atau 128 undi anggota Dewan itu mendapat 172 undi pada bacaan kali kedua dan 154 undi pada bacaan ketiga.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut menyertai sidang ketika undi belah bahagi dilakukan kira-kira jam 6 petang.

Dewan Rakyat dianggotai 193 Ahli Parlimen, termasuk 148 daripada Barisan Nasional dan 45 parti pembangkang.

Rang undang-undang mengenai pindaan itu dibentangkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, Selasa lalu untuk bacaan kali pertama dan dibahaskan 20 Ahli Parlimen.

Setiausaha Agung DAP yang juga ahli Parlimen Kota Melaka, Kerk Kim Hock, berkata pembangkang pada dasarnya menyokong semua pindaan yang dicadangkan walaupun tidak bersetuju dengan beberapa kaedah pelaksanaan.

"Kita hanya mahu ketengahkan beberapa peruntukan yang mungkin disalah tafsir pihak tertentu kepada menteri berkenaan bagi memastikan pelaksanaan undang-undang itu tidak terjejas atau menghadapi masalah nanti.

"Pembangkang mengakui bahawa ada perkara tertentu yang perlu kita terima pakai dengan baik tetapi adalah tugas kami juga untuk membangkitkan sesuatu perkara jika ia didapati kurang sempurna," katanya kepada pemberita ketika ditemui di lobi Parlimen.

Terdahulu, tindakan Kerk serta beberapa ahli Parlimen untuk membangkit isu khusus berhubung pindaan terbabit pada peringkat jawatankuasa ditegur oleh Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail.

Katanya, pindaan yang diluluskan sebulat suara itu bermakna tiada anggota dewan yang membantah pada dasarnya dan ia tidak wajar dipersoalkan lagi pada peringkat jawatankuasa, bagaimanapun beliau membenarkan mereka mengemukakan pandangan mengenai pindaan tertentu.

(END)